


MEQAR

JELAJAH ILMU AL-QURAN

EDISI 2/2016



ISTIMEWA
dalam edisi ini!

Projek #GreenUmmah

#RamadanHangout

Johan diklik tarannum

Shoptribute

Keinsafan
Mendekatkan
Diri Pada
Al-Quran

- DIDICAZLI



EVERY WEDNESDAY

LED BY (YDO):
HAZIZ ABBAR

#RAMADANHANGOUT

2 - 4:30PM

ACTIVITIES:

16.18	#RAMADANHANGOUT
16.18	BACA BAO
16.18	MELODY SPECIAL
22.18	KHAT IT UP (536)

COME AS YOU ARE | LEVEL 4 AUDITORIUM

MUJAHIDIN MOSQUE
CONTACT: 0813 881 1111

MARVELS

“ Bulan
Ramadan
adalah bulan
yang di dalamnya
diturunkan
Al-Quran,
sebagai petunjuk
bagi manusia
dan penjelasan-
penjelasan mengenai
petunjuk itu
dan pembeda
(antara yang benar dan
yang batil). ”

Al-Baqarah: 185



**Encik Muhammad
Khairul Jameel bin Yahya**
Pengerusi Eksekutif
Masjid Mujahidin

**Alhamdulillah,
dengan izin Allah Swt, kita bertemu
dalam edisi kedua majalah
MeQar - Jelajahi Ilmu Al-Quran.**

Edisi pertama MeQar dilancarkan pada Mei 2015. Alhamdulillah, sambutannya menggalakkan. Edisi kali ini istimewa kerana ia diedarkan sempena Ramadan, bulan yang mulia.

Keistimewaan bulan Ramadan bukan setakat ia memberi peluang kepada ummah untuk menjalani salah satu rukun Islam iaitu, berpuasa. Ia merupakan bulan di mana amalan kita berganda kerana kita bertarawih, bertadarus dan bagi setengah ummah, mengaji setiap malam.

Tidak berapa lama dahulu, Masjid Mujahidin mengeluarkan slogan - ngaji itu penting atau yang penting, ngaji? Ia bertujuan untuk mengajak masyarakat merenungkan dan mengutamakan yang perlu dahulu. Kalau kita meletakkan "Ngaji itu Penting" dalam kehidupan kita, ia bermakna kita akan pastikan kita mengutamakan permulaan hari kita dengan ibadah solat dan mengaji Al-Quran.

Ramadan ini kita akan mempergiatkan usaha merubah konsep pemikiran tersebut agar tumpuan untuk belajar agama atau mengaji Al-Quran diberi fokus yang lebih mendalam iaitu menambah masa kita bagi tujuan tersebut.

Sejajar dengan usaha menghayati Ramadan, kita juga memulakan inisiatif #GreenUmmah yang merupakan rakaman video cara berwuduk yang mesra alam. Ini akan dilancarkan sempena Ramadan.

Selain Projek #GreenUmmah, edisi kali ini menampilkan beberapa kegiatan sempena Ramadan yang dapat dimanfaatkan oleh jemaah, tidak kira usia atau latar belakang mereka.

Semoga kita dapat menghayati segala usaha Masjid Mujahidin untuk membentuk ummah yang cemerlang. Insyaa-Allah. Selamat mengerjakan ibadah puasa.

Editor
Encik Muhammad Khairul Jameel bin Yahya
Pengerusi Eksekutif Masjid Mujahidin

Penasihat & Editor

Muhammad Khairul Jameel bin Yahya

Kontributor

Ustaz Nor Muhammad bin Ali
Ustaz Mohamed Iszam bin Karim
Ustaz Azzahir bin Ariffin
Ustazah Siti Aisyah binte Roslee
Ustaz Mohd Hafiz bin Abdul Jabbar
Puan Rohainizah binte Adnan
Izza Atiga Ishak
Nabillah Jalal

Pengarah Seni

Ishak Ismail

Penyelaras Penerbitan

I.Media Concept

Diterbitkan oleh

Lembaga Pentadbir Masjid Mujahidin

MEQAR adalah nama kepada Pusat Al-Quran Masjid Mujahidin yang ditadbir di bawah naungan Lembaga Pentadbir Masjid Mujahidin.

Jawatankuasa MEQAR

Muhammad Khairul Jameel Yahya
Ustaz Mohamed Iszam bin Karim
Ustaz Nor Muhammad bin Ali
Ustaz Firdaus bin Azhari
Ustaz Azzahir bin Ariffin
Kamal bin Amat
Mohammad Jamaluddin bin Abdul Rahim
Ustazah Sarimah binte Talib
Ustazah Nur Fathiah binte Abdussamad
Puan Salma Semono
Puan Rohainizah binte Adnan
Saudari Nur Hidayah binte Rahman

Penasihat MEQAR

Ustaz Izal Mustafa
Ustaz Zakaria Alhafiz Md Shariff
Ustaz Afandi bin Amat
Ustaz Ahmad Shamsuddin
Ustaz Kamsari Sanuh
Ustaz Mohamad Ali bin Amat
Ustaz Zulkifli Bachik
Cikgu Haji Abdullah Nasir
Haji Shamsudin bin Shadan
Ustazah Siti Aisyah binte Roslee
Para Asatizah Al-Quran Masjid Mujahidin

Masjid Mujahidin
590 Stirling Road Singapore 148952
Tel: 6473 7400
Fax: 6473 6241
Email: info@mujahidin.mosque.org.sg
Website: mujahidinmosque.sg



MEQAR

Jelajah Ilmu Al-Quran



4



9



22



34



36

Kata Editor	1
Keinsafan Mendekatkan Diri Pada Al-Quran	4
Ramadan Penuh Rahmat	9
#RamadanHangout	10
#GreenUmmah	11
Productive Muslim	12
Caring For The Environment	13
Fiqh Musafir	15
One Ayat A Day	16
Mengasah Bakat Kaedah Qiraati	20
Perkemahan Kepimpinan Belia Islam	21
Si Gilik Johan Tarannum	22
Impian Menjadi Kenyataan	24
Keluarga Qasidah	25
Ngaji Itu Penting Atau Yang Penting Ngaji?	28
Keluarga Imam Hafiz	30
Al-Quran Online	32
My Hijab Story	34
Food For Thought	36
Cenderahati Serba Indah Shoptribute	38

Penasihat & Editor

Muhammad Khairul Jameel bin Yahya

Kontributor

Ustaz Nor Muhammad bin Ali
Ustaz Mohamed Iszam bin Karim
Ustaz Azzahir bin Ariffin
Ustazah Siti Aisyah binte Roslee
Ustaz Mohd Hafiz bin Abdul Jabbar
Puan Rohainizah binte Adnan
Izza Atiqa Ishak
Nabillah Jalal

Pengarah Seni

Ishak Ismail

Penyelaras Penerbitan

I.Media Concept

Diterbitkan oleh

Lembaga Pentadbir Masjid Mujahidin

MEQAR adalah nama kepada Pusat Al-Quran Masjid Mujahidin yang ditadbir di bawah naungan Lembaga Pentadbir Masjid Mujahidin.

Jawatankuasa MEQAR

Muhammad Khairul Jameel Yahya
Ustaz Mohamed Iszam bin Karim
Ustaz Nor Muhammad bin Ali
Ustaz Firdaus bin Azhari
Ustaz Azzahir bin Ariffin
Kamal bin Amat
Mohammad Jamaluddin bin Abdul Rahim
Ustazah Sarimah binte Talib
Ustazah Nur Fathiah binte Aibdussamad
Puan Salma Semono
Puan Rohainizah binte Adnan
Saudari Nur Hidayah binte Rahman

Penasihat MEQAR

Ustaz Izal Mustafa
Ustaz Zakaria Alhafiz Md Shariff
Ustaz Afandi bin Amat
Ustaz Ahmad Shamsuddin
Ustaz Kamsari Sanuh
Ustaz Mohamad Ali bin Amat
Ustaz Zulkifli Bachik
Cikgu Haji Abdullah Nasir
Haji Shamsudin bin Shadan
Ustazah Siti Aisyah binte Roslee
Para Asatizah Al-Quran Masjid Mujahidin

Masjid Mujahidin
590 Stirling Road Singapore 148952
Tel: 6473 7400
Fax: 6473 6241
Email: info@mujahidin.mosque.org.sg
Website: mujahidinmosque.sg




MEQAR

Jelajah Ilmu Al-Quran



Kata Editor	1
Keinsafan Mendekatkan Diri Pada Al-Quran	4
Ramadan Penuh Rahmat	9
#RamadanHangout	10
#GreenUmmah	11
Productive Muslim	12
Caring For The Environment	13
Fiqh Musafir	15
One Ayat A Day	16
Mengasah Bakat Kaedah Qiraati	20
Perkemahan Kepimpinan Belia Islam	21
Si Cilik Johan Tarannum	22
Impian Menjadi Kenyataan	24
Keluarga Qasidah	25
Ngaji Itu Penting Atau Yang Penting Ngaji?	28
Keluarga Imam Hafiz	30
Al-Quran Online	32
My Hijab Story	34
Food For Thought	36
Cenderahati Serba Indah Shoptribute	38

Keinsafan Mendekatkan Diri Pada Al-Quran



“Bertahun, hati saya buta untuk menyadari bahawa cinta yang tulus itu ada pada diri kita. Apabila saya menghayati surah Ar-Rahman daripada kuliah Ustaz Nouman, saya terasa diri saya seolah-olah bertemu dengan permata yang menyinari hidup saya. Menyedari cinta daripada Allah terhadap umahnya, membuat saya begitu terharu. Saya mula menyadari tentang butiran pertama yang ada di setiap lembaran Al-Quran yang boleh mengubah kehidupan manusia. Setiap kali saya memahami sesuatu ayat, saya merasakan hati dan seluruh diri saya disinari dengan rasa cinta semula. Setiap dalam Al-Quran sungguh indah dan mengagumkan. Alhamdulillah.”

Seperti cahaya yang menyinari kehidupan insan, Al-Quran menjadi panduan dalam kehidupan seharian Didicazli C Ismail. Pengarah di syarikat Damalee Communications yang berusia 33 tahun itu menceritakan zaman kecilnya di mana beliau dan teman-temannya akan "berlumba" dari sekolah untuk ke rumah ustaz bagi kelas ngaji yang diadakan setiap petang. Pada usia 12 tahun, beliau tamat pengajian Al-Quran. Walaupun darah gemuruh di majlis khatam Al-Quran, beliau terus mendapat semangat daripada ustaz yang berada di sisinya.


Seperti ramai remaja yang lain, masa untuk mengaji berkurangan apabila di peringkat sekolah menengah dan universiti. "Seperti remaja lain, saya juga nakal. Tetapi Alhamdulillah, Allah memberi saya bimbingan dan saya kembali kepada Al-Quran. Oleh kerana saya tidak memahami Bahasa Arab, saya mempelajari makna Al-Quran daripada terjemahannya," cerita Didicazli.



Ketika usianya 27 tahun, beliau mengerjakan umrah dan dari situlah keinsafan untuk mempelajari semula ilmu keagamaan berputik. "Saya ingat suatu waktu saya menghadiri kuliah agama di masjid dan ayat Al-Quran yang sedang dibincangkan adalah tentang cinta dan kasih sayang. Saya tidak faham apa maksudnya. Dari situ, saya benar-benar mahu menyelongkar makna dalam setiap ayat dalam kitab Al-Quran," kata Didicazli.

Interaksi dengan para asatizah memberinya peluang untuk bertanya tentang Al-Quran. Beliau juga cuba mempelajari Bahasa Arab tetapi menghadapi kesukaran kerana masa kerja yang tidak menentu. Akhirnya beliau mendengar kuliah agama oleh Ustaz Nouman Ali Khan secara online.

"Alhamdulillah, cara Ustaz Nouman berbicara dan menjelaskan tentang ayat-ayat Al-Quran membolehkan saya menghayatinya. Saya mula mengikuti kursus online menerusi Bayyinah TV. Bagi golongan bekerja seperti saya, ia cara yang berkesan kerana saya boleh mempelajari Al-Quran bila-bila masa. Saya tidak bimbang kalau saya tidak dapat mengikuti kelas. Kini saya sedang



mempelajari Bahasa Arab dalam Al-Quran menerusi Ustaz Nouman. Insya-Allah, saya akan terus mempelajari Al-Quran sepanjang hayat saya," kata Didicazli.

Alunan suara

Bagi mereka yang pernah mendengar Didicazli menjadi bilal baik di Masjid Mujahidin mahupun di lain-lain masjid, mereka akan dapat menghayati kemerduan azannya. Namun, beliau amat rendah diri dan berkata bahawa laungan azannya masih di peringkat asas.

Minatnya bermula apabila beliau mengikuti kursus Muazzin di Masjid Alkaff Kampong Melayu. Ketika itu usianya 28 tahun. Beliau belajar daripada Ustaz Bahrul Ulum. Setelah selesai kursus tersebut, beliau diberi peluang untuk menjadi bilal. "Saya masih ingat kali pertama ialah solat Asar. Saya nervous tetapi saya beranikan diri dan lama kelamaan dapat memperbaiki mutu azan saya," cerita Didicazli yang tinggal di daerah Timur dan sering diberi peluang untuk menjadi bilal di Masjid Alkaff Kampong Melayu semasa solat Jumaat dan Tarawih.

Ayahnya, Encik Ismail Omar berada di luar negeri ketika Didicazli melakukan ini semua. Namun, sekembalinya ke tanah air dan berpeluang untuk mendengar anaknya azan, beliau amat berbesar hati. "Saya yakin setiap ayah akan berbesar hati melihat anaknya di masjid," kata Didicazli.

Apa yang berlaku dalam hidupnya adalah berkat doa orang tuanya. "Saya



tahu yang ibu saya sering berdoa untuk anak-anaknya. Ibu sering membaca Al-Quran dan mengunjungi masjid untuk kelas-kelas agama. Ibu seorang yang penyayang. Inilah cara dia memberi kami inspirasi untuk menjadi muslimin yang berpekeriti. Nilai sedemikian yang saya yakin akan dapat menjadikan kami anak-anak yang soleh dan suami yang baik," kata Didicazli yang mendirikan rumah tangga tiga tahun yang lalu. Isterinya, Nur Ellyana Norzlan ialah seorang guru tadika.

Tugasnya sebagai Pengarah di syarikat Damalee memberinya peluang untuk berinteraksi dengan golongan remaja. Bagaimana beliau memberi kata-kata perangsang kepada remaja tersebut? "Saya akan berkongsi dengan mereka tentang ayat-ayat Al-Quran yang menunjukkan cinta Allah kepada ummahnya. Dengan mempelajari Al-Quran, hati kita akan terbuka untuk mengenali Islam dengan lebih mendalam," jawab Didicazli.

Setelah memulakan perjalanannya mempelajari Al-Quran, Didicazli sedar bahawa segala yang diperlukan dalam kehidupan adalah Al-Quran. Ia adalah panduan untuk manusia. "Dan kalau dulu saya jauh dengan Al-Quran, Alhamdulillah, Allah telah membuka pintu hati saya semula. Antara surah yang telah menyentuh diri saya ialah surah Al Furqan di mana Allah memberi kemaafan kepada mereka yang telah berdosa dan memberi setiap insan satu doa agar hati kita dipenuhi dengan kasih sayang dan kebahagiaan," kata Didicazli.

Antara Asatizah yang telah menyentuh hidup Didicazli ialah Ustaz Zahid Zain, Ustaz Bahrul Ulum, Ustaz Fairuz Shah Sudiman, Ustaz Saleh Busera, Ustaz



Yazid Muhamad Salleh, Ustaz Muhd Mokhtar Habib Mohd.

Biarpun sibuk dengan tugas seharian, Didicazli tetap meluangkan masa untuk membaca Al-Quran. Mujurlah ada telefon bijak yang boleh memuat-turun Al-Quran. Dari situ beliau menghabiskan masa lapangnya membaca atau melungsur lalaman Bayyinah.

Bagi Didicazli, keluarga adalah segalanya. Kebahagiaan menurutnya bermula daripada rumah. Kerana itu beliau pastikan komunikasi bersama isteri dan ibu bapanya tidak terjejas biarpun masing-masing sibuk dengan tugas harian.

Tentang isterinya, Didicazli menceritakan bagaimana beliau berdoa semasa berada di Jabal Rahmah agar beliau diberi jodoh yang baik. "Alhamdulillah, Allah telah menjawab doa saya dan memberi saya isteri yang merupakan penyejuk hati dan penglihatan saya. Insya-Allah," kata Didicazli.

Sebagai seorang isteri, Nur Elyana memberinya sokongan penuh dan memahami tugasannya dan masanya yang tidak menentu. "Elyana tidak pernah merungut jika saya pulang lewat atau terpaksa bekerja pada hujung minggu. Beliau cuba sedaya upaya untuk berada bersama saya, apabila beliau tidak bekerja," kata Didicazli.

Antara amalan yang mereka lakukan bersama ialah solat berjemaah. Ini merapatkan lagi hubungan antara suami isteri. Dan harapan Didicazli apabila beliau menjadi seorang ayah ialah untuk memastikan beliau dapat menjalankan tanggungjawab dan amanahnya.

"Anak ialah anugerah daripada Allah. Ia suatu amanah. Jika saya menjadi seorang ayah, tanggungjawab saya untuk memberi sokongan dan nafkah. Insya-Allah saya akan sentiasa mendoakan anak saya dan menjadi imam kepada keluarga," kata Didicazli.

Biarpun menetap jauh daripada Masjid Mujahidin, Didicazli tidak lepaskan peluang untuk mengikuti kegiatan di masjid apabila diundang. "Jika diberi peluang saya ingin aktif dalam kegiatan belia di masjid ini," kata Didicazli mengakhiri wawancara.





Ramadan Penuh Rahmat

Ramadan merupakan bulan mulia yang dinantikan dengan penuh kesyahduan dan ketakwaan. Ia merupakan nikmat agung yang diberikan kepada umat Islam untuk mendapat keampunan dan rahmat daripada Allah Swt.

Setiap ummah perlu melengkapkan diri dengan persiapan rohani dan jasmani untuk melalui bulan Ramadan. Selain menahan lapar dan dahaga, Ramadan menyediakan peluang untuk menggandakan ibadah menerusi solat tarawih, tadarus, qiyamullail dan memberi zakat dan fitrah kepada yang memerlukan.

Antara usaha penting ialah mempersiapkan jiwa dan nurani untuk menyambut Ramadan. Membersihkan hati dari segala penyakit dan hasad dengki yang dapat mengganggu ibadah di bulan Ramadan.

"Dan beruntunglah orang yang menyucikan jiwanya " Asy-Syams:9

Oleh kerana Ramadan muncul sekali dalam setahun, adalah penting bagi setiap ummah untuk menimba semula ilmu tentang amalan di bulan Ramadan seperti hikmah puasa Ramadan, tadarus Al-Quran, solat Tarawih, iktikaf di masjid hinggalah tentang zakat fitrah.

Selain ilmu kerohanian dan keagamaan, penting bagi kita untuk memperolehi ilmu kesihatan bagi memastikan keadaan tubuh kita tidak terjejas dengan perubahan pada waktu menjamu selera.

Mengawal hawa nafsu merupakan satu cabaran di bulan Ramadan. Namun berkat amalan dan persiapan kerohanian, ini merupakan sesuatu yang Insya-Allah dapat diatasi. Perangi hawa nafsu dengan meningkatkan ibadah kita baik pada sebelah siang mahupun malam.

Sempena Ramadan yang mulia ini, Masjid Mujahidin telah mengaturkan beberapa acara untuk mendekatkan jemaah dan seisi keluarga mereka untuk menghabiskan lebih banyak masa mengikuti kegiatan di masjid.





Menanamkan rasa cinta pada Al-Quran dan menjadikannya sebagai halwa pendengaran merupakan antara usaha Jabatan Belia Masjid Mujahidin pada Ramadan ini.

Berjudul #RamadanHangout, ia merupakan program mingguan di mana para belia boleh menyertainya untuk menghayati dengan lebih mendalam bulan yang mulia ini.

Pegawai Pembangunan Belia Masjid Mujahidin, Ustaz Mohammad Hafiz Abdul Jabbar menjelaskan bahawa ia merupakan satu inisiatif yang diadakan buat julung-julung kalinya. Matlamatnya ialah untuk mendampingi para belia berusia 13 hingga 18 tahun, yang sedang bercuti dan menarik mereka untuk menyertai program yang disediakan.

Ustaz Hafiz, lulusan Politeknik Republik yang kini mengikuti ijazah muda dalam bidang Syariah (Perbezaan Mahzab) di Kolej Islam Muhammadiyah dan Diploma dalam QuranSunnah di Al-Zuhri berkata, "Menerusi program tersebut kami harap para belia dapat memanfaatkan bulan yang mulia ini. Dengan pendekatan kami yang santai, kami harap para belia dapat memahami bahawa agama Islam tidak sukar dan mudah untuk difahami serta diamalkan."

Pengalamannya menjadi sukarelawan selama 13 tahun dan berinteraksi dengan para belia, memudahkan Ustaz Hafiz untuk mengusahakan satu program yang padat dengan kegiatan serta penggunaan media sosial yang merupakan kaedah yang menarik para belia. Antara yang akan digalakkan ialah bagi para peserta untuk "tweet" apa yang mereka pelajari menerusi laman Twitter.

Menurut Ustaz Hafiz, "Untuk menarik para belia, kita perlu duduk dan bersembang dengan mereka tentang minat mereka. Ada kalanya mereka akan meluahkan perasaan dan kita perlu mendengar luahan mereka. Bagi saya setiap cabaran yang timbul berhubung dengan para belia adalah kesempatan bagi saya untuk membantu mereka seberapa boleh. Insyallah."

EVERY WEDNESDAY

LED BY (YDO):
HAFIZ JABBAR

#RAMADANHANGOUT

2 - 4:30PM

ACTIVITIES:

1.6.16	#RAMADANRAMBLES
8.6.16	BACA, BRO
15.6.16	MELODY SPECIAL
22.6.16	KHAT IT UP! (\$15)

COME AS YOU ARE | LEVEL 4 AUDITORIUM

MUJAHIDIN MOSQUE
CONTACT (YDO) HAFIZ: + (65) 91025 51024

M4RVELS

#RamadanHangout

#RamadanRambles

1 June, 2 - 4.30pm

There are many questions or MYTHS surrounding Ramadan. So What is permissible and what isn't? #RamadanRambles aim to answer those questions!

#Baca, Bro

8 June, 2 - 4.30pm

The Quran is the book of life, how do we inspire our lives via the Quran?

#Melody Special

15 June, 2 - 4.30pm

Can the Quran be cool to listen?

#Khat it up!

22 June, 2 - 4.30pm

Calligraphy session where participants can explore the wonders of the Arabic language at the same time.

#GreenUmmah



Ketika anda mengambil wuduk, adakah anda prihatin tentang jumlah air yang digunakan? Mungkin tidak kerana kemudahan saluran air yang ada. Namun di negara-negara yang membangun dan kurang prasarana, setitik air amat berharga.

Sejajar dengan usaha untuk menyebarkan mesej agar mengambil wuduk yang mesra alam, Masjid Mujahidin telah memulakan projek #GreenUmmah. Di bawah projek ini, satu video cara berwuduk yang mesra alam akan dilancarkan Ramadan ini.

Menurut Pengerusi Eksekutif Masjid Mujahidin, Encik Muhammad Khairul Jameel bin Yahya, laporan tentang paras air di kolam simpanan Linggiu yang semakin susut telah mencetuskan ilham Dakwah Masjid Mujahidin untuk mencernakan projek #GreenUmmah.

Matlamatnya untuk meningkatkan kesedaran bukan sahaja jemaah masjid tetapi umat Islam secara umumnya supaya melindungi alam sekitar. Masjid, menurut beliau mempunyai peranan yang lebih penting selain daripada rumah ibadah dan pusat pengajian Islam. Masjid juga sebuah pusat pembangunan sosial, pendidikan dan juga tempat untuk menyokong dan berkongsi nilai positif, seperti kesedaran dalam penjagaan alam sekitar.

Untuk menghasilkan video tersebut, Encik Sanif Olek, seorang sutradara prolific yang pernah meraih beberapa anugerah bagi karyanya telah menyumbang kepakarannya secara sukarela. Menurut kajian Masjid Mujahidin, jika seorang Muslim mengubah kebiasaan dan membuka air paip dengan tidak begitu deras, beliau dapat menjimatkan sekurang-kurangnya 10 liter air setiap kali berwuduk.

Ini bermakna, 50 liter air dapat dijiatkan dalam sehari, bagi solat lima waktu. Mengambil kira Masjid ini mempunyai sekitar 5,000 hingga 7,000 jemaah dalam seminggu, dengan kerjasama semua pihak, ia dapat membantu Masjid menjimatkan sekitar 250,000 liter air, hanya dalam jangka masa seminggu sahaja.



Wawancara bersama Encik Sanif Olek

Bagaimana anda berharap dapat menyumbang terhadap projek ini?

Saya begitu rendah hati diundang oleh Masjid Mujahidin untuk menyumbang kepada projek ini. Saya lihat projek ini sebagai kesinambungan wadah kreatif saya untuk menyumbang kepada masyarakat. Sebelum ini, saya menghasilkan empat filem pendek untuk menjelaskan dan membasmu stigma tentang isu kesihatan mental di kalangan masyarakat Melayu. Saya amat prihatin tentang isu sekitaran dan menerusi video ini saya dapat menyumbang terhadap pemeliharaan sekitaran.

Bagaimana sumbangan anda dapat mendorong masyarakat untuk lebih prihatin terhadap sekitaran?

Saya lihat kekuatan saya dalam menimbulkan emosi dalam cara saya menghasilkan video. Menjiatkan air adalah satu dakwah dan menerusi video ini saya harap masyarakat Melayu dapat menjadikannya sebahagian daripada cara hidup kita seharian. Insha-Allah.

Perasaan anda tentang Projek #GreenUmmah dan pandangan anda tentang video ini?

Memelihara sekitaran bukan sekadar mengitar air yang digunakan atau barang-barang atau mengurangkan penggunaan plastik dan sebagainya. Bersikap baik terhadap segala makhluk Tuhan dan menjimatkan air adalah dua perkara asas yang penting yang perlu disemat dalam diri setiap insan. Generasi hari ini harus mempunyai disiplin terhadap diri kita sendiri agar generasi akan datang dapat terus menikmati sumber alam yang ada. Projek #GreenUmmah merupakan satu inisiatif yang terbaik untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat Islam tentang apa yang sedang dilakukan di peringkat antarabangsa untuk melindungi sekitaran.


Apa yang membuat video ini berbeza daripada video yang lain?

Penonton hari ini mahukan inovasi. Kita tidak boleh memaparkan sesuatu yang ketara. Mereka perlu diyakin. Selain elemen drama, saya gunakan pergerakan kinetik yang menyumbang terhadap pendekatan moden mesej #GreenUmmah ini.

Saya rasa apa yang membuat video ini menarik adalah pertama mesejnya dan yang kedua sekali adalah cara penggambarannya yang berbeza daripada apa yang kita lihat sebelum ini.

Productive Muslim

Tips on achieving spiritual productivity during Ramadan



- Having taqwa is a major source of barakah and spiritual energy because it gives you strong grounding in your values and principles which were ordained by Allah Swt and his Messenger Saw. To achieve this:

- Always be conscious of Allah Swt
- Learn more about Allah Swt.
- Seek forgiveness

- **Tawakkul** - having trust in Allah Swt. Our beloved Prophet Saw said: "If only you relied on Allah, a true reliance, He would provide sustenance for you just as He does the birds. They fly out in the morning empty and return in the evening with full stomachs."

- **Shukr** - Gratitude to Allah Swt. It has been proven the effect of gratitude on productivity as participants who kept gratitude lists were more likely to have made progress towards important personal goals. Have gratitude through:

- Count your blessings
- Praise and thank Allah
- Benefit from the barakah
- Thank people
- Ask Allah for help to thank him

- **Patience** - There is no doubt that difficult situations can zap one's productivity and lead one to a downward spiral of depression and hopelessness. Patience or sabar provide us with a spiritual energy to overcome calamity and tribulation.

- **Ihsan** - The concept of ihsan or excellence in a famous hadith where Angel Gabriel asked Prophet Saw what ihsan was. Ihsan is that you worship Allah as though you see Him. For though you do not see Him, indeed He sees you. Bukhari. What you can do includes:

- Be sincere
- Invest time to research
- Enjoy what you are doing
- Be humble

Tips extracted from The Productive Muslim by Mohamed Faris

Caring For The Environment

"And We made the sky a protected ceiling [canopy] but they, from its signs, are turning away."

Al-Anbiya:32

The reality of climate change calls for a re-evaluation of our actions and a redirection of our energies towards the reduction or possible reversal of the looming environmental crisis.

The Al-Quran calls on its ummah to recognise our contributions to the environmental crisis. Wastefulness is a major contributing factor to our present woes, hence the sudden awareness of the benefits of reducing, reusing and recycling. Some of Quranic cautions include - "But waste not by excess, for Allah loveth not the waters." *Al-Anaam: 141*

#GREENUMMAH



As part of its efforts to care and save the environment, Mujahidin Mosque is launching its Project #GreenUmmah this Ramadan. Manager of Corporate Services & Communications Department Puan Rohainizah Adnan explains, "The inception of Project #GreenUmmah came last year when we were discussing a Go Green Campaign as part of the Mosque's Key Action Plans after finding out from a news report that the water levels in our reservoirs were declining.

"Further to that, according to ZeroWaste SG, we also found

that each person generated an average of 1,370kg of waste in 2014 alone and paper and plastics were among the top 5 types of waste generated."

"The name #GreenUmmah came about because we would like to encourage not just our congregants but also all Muslims to 'go green' and start taking a more active role in caring for the environment - and follow the Sunnah of Rasullullah Saw."

Phase 1: Save Water Awareness Campaign Eco Wudhu

The idea to create an awareness campaign to save water during wudhu came first, with the production of the Eco-Wudhu video, illustrating how one can save water by switching to a smaller stream.

Mosque officers then carry out an experiment and found out that if congregants switched to a slower stream as opposed to a full stream, they would be able to save an approximate amount of 10 litres per wudhu. That would make it an average of 50 litres per day for all 5 daily prayers.

1.6 Billion Muslims
can **save** up to **80 Billion*** litres
of water per day

*approx. 21 U.S. liquid gal

Practice the Sunnah. Trigger your mind to Eco-Wudhu. Switch to a smaller stream.

WASTE WATER?	OR	SAVE WATER?
FULL TAP 10.5 litres	45 SECONDS	SMALL TAP 0.5 litres
<p>1.6 BILLION Muslims can save up to 80 BILLION litres of water per day (approx. 21 U.S. liquid gal) worldwide</p>		
<p>10L water saved per wudhu</p>		<p>5 daily solat = 50L water saved per day</p>

GREEN UMMAH PROJECT

And by that count, considering the mosque caters to about 5,000 - 7,000 congregants per week - and everyone practises eco-wudhu, it could easily amount to water savings of about 250,000 litres per week alone - just in our mosque. If we manage to get all 1.6 billion Muslims to get in on this, we'll be able to save up to 80 billion litres of water per day (approx. 21 US liquid gallons) worldwide - assuming that they take wudhu with a running water tap.

With youth being one of the target audience in this campaign, participants at the Ramadan Youth Camp will be taught to take ablution using the seawater (Based on the hadith where water can be wasted even from a running stream).

Participants will also be given one water bottle to be shared between 3-5 people while taking ablution before Qiyam prayers.

Phase 2: Reduce Waste & Recycle Campaign

Puan Rohainizah also shared that in 2014, about 7.5 million tonnes of waste was generated in Singapore. The recycling rate in Singapore for 2014 is 60%, which is a slight drop from the 61% in 2013. The government is still on track to meet its recycling target of 65% by 2020 and 70% by 2030 (set in the Sustainable Singapore Blueprint).

As part of the mosque's plan to reduce waste, they will be implementing the use of cornware for a few days in Ramadan as a way to introduce alternatives to the use of disposable plastic or styrofoam ware. At the same time, the mosque will also be promoting awareness to use less disposables in general.

During the #RamadanHangout, youth will be reminded about food wastage and overeating. They will be taught on recycling habits.

Other efforts to create awareness on caring for the environment include Ramadan Syarahan Roadshow. In the pipeline is a mosque's Reduce Carbon Footprint Awareness Campaign.

The focus of the mosque's Tazkirah Zuhur during the whole of Ramadan this year will be on how Muslims can do our part for the environment.

Friends of **مسجد**
مجاهدين
MASJID
MUJAHIDIN

#GREENUMMAH Be a part of

Find out more at mujahidinmosque.org

Fiqh Musafir



Fiqh Musafir Bahasa Melayu **4 & 11 Jun**
9 pagi tengah hari
Oditorium
Yuran **\$50**

Murabbi
Ustaz Fizar Zainal

Apa yang akan dibincangkan?

- Memahami konsep Fiqh (Rukhsah) (pengecualian daripada hukum umum)
- Memahami Jama' & Qasar - menggabungkan dan memendekkan solat
- Bagaimana untuk berdo'a semasa dalam perjalanan? (Di dalam bas, kereta api dan pesawat)
- Cara-cara dalam menentukan masa solat
- Mencari arah berdo'a (kiblat) semasa safar
- Garis panduan pemakanan asas - apa yang perlu makan jika tidak ada makanan yang disahkan halal?

Majlis ADIL
Mujahidin

Anjuran Masjid Mujahidin
590 Selayang Road Singapore 143001
0475 7400
@muja42arimooqae
@muja42arimooqae

4 & 11 Jun 2016
9pg - 1tgh

Kuliah pagi ini akan menumpukan perbincangan pada pemahaman konsep Fiqh Rukhsah iaitu pengecualian daripada hukum umum. Bagi mereka yang sering mengembara sama ada untuk riadah atau tugas dan pekerjaan, ia akan menjelaskan tentang Jama' dan Qasar iaitu menggabungkan dan memendekkan solat.

Turut dibincangkan oleh Ustaz Fizar Zainal ialah bagaimana untuk berdo'a semasa dalam perjalanan sama ada di dalam bas, keretapi atau pesawat serta cara untuk menentukan masa solat serta mencari arah kiblat.

Soal pemakanan turut dibincangkan kerana ada daerah yang dikunjungi yang sukar untuk mendapat makanan yang disahkan halal.

One Ayat A Day

Strive together towards all that is good; (and) wheresoever you are, Allah will bring you together.
2: 148

O believers! You are commanded to fast, as those before you were commanded, so that you might learn self-restraint.
2: 183

O believers! Ask for help, with patient perseverance and prayer, Allah is with those who patiently persevere.
2: 153

In the cause of Allah, defend yourself against those who fight you; but do not go beyond the limits.
2: 190

O believers! Do not let your worldly goods or your offspring divert you from the remembrance of Allah. Those that forget Him shall forfeit all.
63:9

It is Allah who has made the earth subservient to you, so travel through its wideness and enjoy the good sustaining things which He provides.
67:15

KeeP in remembrance the name of your Lord, and devote yourself to Him with your whole heart.
73:8

This blessed month of Ramadhan,
rediscover the intrinsic beauty of Al-Quran and seek guidance.
Let us start with one ayat or verse a day.

O believers!
Why do you preach that
which you do not practise?
It is a grievously odious
thing in the sight of Allah
if you say that which
you do not do.

61:2-3

The believers are a
single family so make peace
and reconciliation between
any two contending parties;
and be conscious of God,
that you may receive mercy.

49:10

O believers!
Be conscious of Allah and
believe in His Messenger,
and He will grant you a double
portion of His mercy;
He will provide for you a
Light by which you shall walk
and He will forgive you; for
Allah is Oft-Forgiving,
Most Merciful.

57:28

Whatever
is in the heavens and
upon earth, let it declare
the praises and glory of God;
for He is the Exalted
in Might, the Wise.

59:1

Do not be weary
and lose heart,
crying for peace,
when you should be
uppermost; for Allah
is with you, and will
never let your good
deeds go to waste.

47:35

Avoid those
who turn away from
Our message, and desire nothing
but the life of this world which,
to them, is the only thing worth knowing.
Behold, your Sustainer is fully aware
of who has strayed from His path
and who follows
His guidance.

53:29-30

Give
just weight
and full
measure.

55:9

Q believers!
Do not push yourselves
forward before Allah or
His Messenger, but have reverence
for Allah; for Allah is He Who
hears and knows all things.

49:1

Q believers!
Reverence your Lord.
Good will be (the outcome) for
those who do good in this world.
Wide is God's earth! Those who
patiently persevere will
truly receive a
limitless reward.

39:10

Be moderate
in your pace, and lower
your voice; for the harshest of
sounds without doubt is
the braying of an ass!

31:19

Follow that
which comes to you by
inspiration from your Lord;
for your Lord is well-acquainted with
all that you do. Place your trust in
God alone; for none is so worthy of
trust as God.°

33:2-3

Do not turn
your cheek away from
people in pride, nor walk in
insolence on the earth.
For Allah does not love
the arrogant boaster.

31:18

And do not walk
about on the earth with
insolence; for you cannot
rend the earth asunder nor
can you rival the
mountains in height.

17:37

Give full measure
when you measure, and
weigh with a balance that is true;
that is the most fitting, and will
bring you the most advantage in
the final account.

17:35

Give to your whole family their due, and also to those in want, and to the wayfarer, but do not squander your wealth in the manner of a spendthrift.

17:26

Whoever recommends and helps a good cause will have a share in its blessings; and whoever recommends and helps an evil cause will be answerable for their part in it; for truly God controls all things.

4:85

Endure with patience in times of adversity; for truly, Allah never fails to requite those who do good.

11:115

Invoke people to the Way of your Lord wisely, and with beautiful preaching; reason with them in ways that are best and most gracious; for your Lord knows best who has strayed from His path, and who accept guidance.

16:125

O believers! Be steadfast in patience and constancy; compete in such perseverance; strengthen each other, and remain conscious of God, that you may prosper.

3:200

O people of the Book! Do not overstep the bounds of truth in your religion, nor say of God anything but the truth.

4:171

Be constant in prayer morning and evening, and in the night time too. Good deeds shall make amends for sins. Let this remind all who are conscious of Allah.

11:114

O believers! Reverence Allah as he should be revered; and do not die except in a state of Islam.

3:102

Mengasah Bakat Kaedah Qiraati



Kecenderungan jemaah terhadap pendidikan Al-Quran menerusi Qiraati terus kukuh di Masjid Mujahidin. Baru-baru ini satu kursus Qiraati yang dipimpin oleh Ustaz Mohammad Masruh bin Ahmad telah menarik ramai jemaah yang ingin memperhalusi bacaan mereka menerusi kaedah Qiraati.

Qiraati adalah satu kaedah pembelajaran Al-Quran yang lebih sistematik, mudah dan cepat. Ia disusun oleh seorang guru ngaji Almarhum Ustaz KH Dachlan Salim Zarkasyi sejak 1963.

Syabas kepada Masjid Mujahidin yang telah memperjuangkan kaedah Qiraati lebih dua dekad yang lalu.



Perkhemahan Kepimpinan Belia Islam

2 - 4 Jun 2016

MUSLIM TEENS LEADERSHIP CAMP

BUILDING THE LEADERS OF TOMORROW



2ND - 4TH JUNE 2016
TEENS 12 - 16 YRS OLD
MUJAHIDIN MOSQUE

"LEADERS DON'T CREATE FOLLOWERS. THEY CREATE MORE LEADERS."



ORGANISED BY
IslamicEvents.SG
IN COLLABORATION WITH
MASJID MUJAHIDIN

DIREKTOR: FARIS WAHAB ASSISTENSI: ABDULLAH, TARIK ANWAR EKSEKUTIF: ABUHAMZAH, HUSNAINI KHAN
ART DIRECTION: MARIAM YUSUF DESIGN: ANWAR, FADH ALHAKIM SPECIAL EFFECTS: FARIS WAHAB

Antara pemimpin yang paling berpengaruh di dunia ialah Nabi Muhammad Saw. Beliau seorang yang berjaya dari segi keagamaan dan juga sekular. Beliau memimpin dengan penuh berwibawa – dengan keikhlasan, kejujuran dan rasa ihsan.

Dalam dunia yang sengit persaingannya, Perkhemahan Kepimpinan Belia Islam atau Muslim Teens Leadership Camp yang dianjurkan dalam Bahasa Inggeris bertujuan untuk membentuk kemahiran kepimpinan belia secara holistik, ia bertujuan untuk mencabar para belia berpindah dari zon selesa untuk meraih potensi mereka sepenuhnya.

Khusus bagi belia berusia 10 hingga 16 tahun, kem ini menumpukan perhatian pada usaha membina kemahiran menjadi pemimpin seperti motivasi dan keyakinan diri, menetapkan dan mencapai matlamat serta keputusan.

Menerusi aktiviti tiga hari, para belia mempelajari cara mencapai fokus dan keyakinan diri dan sentiasa memikirkan matlamat yang ingin dicapai. Nilai keluarga serta kehidupan turut disertakan dalam perkhemahan ini.

